



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**Accountant General's Department of Malaysia**  
**NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000  
Faks : 09-516 4931  
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj.tuan :  
Ruj.kami : ANM.PHG.600.15/2/4 Jld 2 (64)  
Tarikh : 17 Jun 2025

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti Di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada **para 2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekutuan Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan Mei 2025 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Mei 2025**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar)** dan **K (Kuir)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:


- i) Puan Norhasmida binti Mohd Yusof 09-5915022

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang